

1,910 laporan kes denggi dicatat

S.H 10/8/09 M/S 10



● SHAHRIN AHMAD

MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerima laporan sebanyak 1,910 laporan kes demam denggi dari awal Januari sehingga 1 Ogos tahun ini dan daripada jumlah itu, sebanyak 969 kes disahkan positif mengidap demam denggi iaitu 932 melibatkan kes demam denggi manakala itu 37 kes demam denggi berdarah.

Pegawai Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, kes demam denggi dilihat mengalami trend penurunan berdasarkan kepada laporan situasi semasa pada minggu ke-30 iaitu dari 26 Julai hingga 1 Ogos lalu hanya 19 kes sahaja dilaporkan berbanding minggu ke-29 iaitu dari 19 Julai hingga 25 Julai lalu yang mencatatkan 27 kes.

Menurutnya, statistik menunjukkan dari awal Januari hingga 1 Ogos lalu, MBSA juga membuat pemantauan dan mengadakan pemeriksaan di 33,325 premis seperti rumah kediaman, kedai, sekolah, kilang, tadika, tapak binaan, projek perumahan ter-bengkalai, tempat pembuangan sampah, taman permainan dan rekreasi serta tempat yang berpotensi menjadi tempat pembiakan Aedes.

"Hasil pemeriksaan didapati 878 premis positif menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes dan MBSA juga mengeluarkan 579 kompaun di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKT 1976) dan kesalahan ini boleh dikenakan kompaun RM500.

"Sepanjang tempoh tersebut juga, MBSA juga telah membuat semburan kabus (fogging) di 839,905 bilangan premis untuk mengawal pembiakan Aedes dan sekaligus dapat mengawal jangkitan demam denggi ini dari merebak," katanya.

Shahrin berkata, MBSA mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah peningkatan demam denggi di kawasan pen-

tadbiran selaras dengan arahan kerajaan untuk memastikan semua pihak terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil langkah pencegahan awal pembiakan Aedes bagi mengawal jangkitan demam denggi.

"Daripada pemerhatian yang telah dilakukan didapati punca utama yang menyebabkan berlakunya pembiakan Aedes ini adalah kerana kealpaan dan sikap cuai masyarakat yang tidak mengawal selia tangki simpanan air, koridor dan 'gutter' di kawasan premis mereka yang boleh menyebabkan air bertakung dan sesuai menjadi tempat pembiakan Aedes.

"Begitu juga keadaan persekitaran rumah kediaman yang tidak diselenggarakan dengan baik seperti longkang tersumbat, kolah mandi tidak dijaga, dan sampah sarap yang tidak dibuang dengan sempurna seperti tin-tin, botol, tayar dan bekas-bekas yang boleh menakung air yang berpotensi menjadi tempat pembaikan Aedes," katanya.

Beliau berkata, bagi memastikan jangkitan demam denggi ini sentiasa terkawal, pihak MBSA meng-

ambil beberapa langkah proaktif seperti membuat dua jenis semburan kabus iaitu Thermal Fogger" dan "Ultra Low Volume" (ULV), membuat pemantauan dan lawatan pemeriksaan secara berterusan untuk memastikan premis tidak menjadi tempat pembiakan Aedes.

"Pihak MBSA juga mengedarkan poster dan risalah untuk memaklumkan penduduk mengenai bahaya penyakit demam denggi dan langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil serta mengadakan kerjasama dengan pihak sekolah di bawah Program Bebas Denggi.

"Ini untuk menyedarkan dan mendidik masyarakat terutamanya golongan muda dan pelajar tentang bahaya Aedes dan langkah pencegahannya.

"Melalui program ini, MBSA akan mengadakan pameran dan juga ceramah di bawah 'Kempen Jom Musnah Denggi'," katanya.



● Tempat yang berisiko menjadi tempat pembiakan Aedes seperti ini wajar diberi perhatian orang ramai.

Selain itu beliau berkata, pihak MBSA menggalakkan penduduk untuk mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan kediaman seperti membersihkan longkang, semak samun, ceramah dan sesi dialog untuk berbincang mengenai bahaya Aedes dan langkah pencegahan serta penjualan 'abate'

di tempat-tempat awam.

"MBSA serius dalam menangani masalah Aedes dan berharap mendapat kerjasama warga Shah Alam untuk bersama-sama berganding tangan bagi memastikan bandar ini bebas dari-

pada penyakit demam denggi ini. "Pada masa yang sama pihak MBSA juga memohon kepada orang ramai supaya dapat mengambil masa hanya 10 minit setiap minggu untuk membuat pemeriksaan dan pembersihan dalam rumah mahupun persekitaran rumah masing-masing," katanya.

Untuk itu, jika ada sebarang pertanyaan berhubung aduan demam denggi boleh, orang ramai berhubung dengan Bilik Gerakan Denggi, Jabatan Perkhidmatan Bandar, MBSA menerusi talian 03-55222793.

● Aedes adalah punca kepada penularan wabak denggi.



● MBSA menggalakkan orang ramai bekerjasama menjalankan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran kediaman mereka bagi mengelakkan penularan wabak denggi.